

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 25 MAC 2015 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Action plan to protect kids unveiled	The Star
2	Ministry forecast modest growth in E&E exports	The Sun
3	Pemacu teknologi satelit negara	Sinar Harian
4	ProEight ceburi pengeluar komponen aplikasi pam	Bernama.com

Action plan to protect kids unveiled

Initiative aims to keep children safe from cyber predators and other online threats

By ZUHRIN AZAM AHMAD
and NADIRAH H. RODZI
newsdesk@thestar.com.my

PUTRAJAYA: An "urgently needed" action plan to protect children online has been unveiled.

The action plan – designed to ward off threats like cyber bullying, cyber grooming, identity theft, pornography and violent content – will be put into place beginning this year.

It will, among others, encourage Internet Service Providers and broadcasters to take part in measures to protect children and for existing laws and guidelines to be reviewed.

It will also see the compilation of court cases, police reports and complaints as a reference on the background of the children, perpetrators and users involved.

In the long term, the action plan seeks to restrict children's access to porn, subversive and other such websites, ensure that cybercafes follow the laws against children surfing for porn and adults searching for child porn websites, and for computer games to be classified.

Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Rohani Abdul Karim said a nationwide roadshow on the action plan would be carried out soon.

"Everybody needs to know what the action plan is all about because threats against children by cyber predators are real and serious.

"Parents, especially, need to pay attention to this initiative because they are the ones who provide their children with the gadgets.

"Ultimately, protecting their children is their responsibility," she said after opening the

two-day Regional Conference On Child Online Protection: Towards An Integrated Approach here yesterday.

The public has been eagerly waiting for the action plan as it marked the first step towards amending the outdated Child Act.

The lead ministries and agencies involved in the implementation of the action plan are the Women, Family and Community Development Ministry, the Science, Technology and Innovation Ministry, Education Ministry, Home Ministry, Malaysian Communication and Multimedia Commission and the police.

Earlier this month, *The Star* reported that the Cabinet had given its approval on Feb 11 to the Women, Family and Community Development Ministry to proceed with the action plan which took about two years to prepare.

Ministry officials said with the unveiling

of the action plan, it had moved a step closer towards amending the Child Act, 70% of its provisions and clauses needed to be updated to deal with online threats.

The officials said while it was still too early to suggest when such amendments would be made, the action plan had given them the direction towards the initiative.

"There will be more in-depth studies and engagement with all relevant stakeholders," said the officials.

In an immediate reaction, Inspector-General of Police Tan Sri Khalid Abu Bakar said he welcomed the action plan but would need to study it first.

"There's no doubt that we are with the ministry in strengthening our children's safety. However, the action plan has to work well with what we have in our existing system."

KERATAN AKHBAR TEMPATAN
THE SUN (SUNBIZ) : MUKA SURAT 17
TARIKH: 25 MAC 2015 (RABU)

ZULKIFLI ERSAL/THESUN



Mustapa (right) chairing a dialogue session at the E&E Industry Associations 2015 in Kuala Lumpur yesterday.

Ministry forecasts modest growth in E&E exports

BY WAN ILAICA MOHD ZAKARIA
sunbiz@thesundaily.com

KUALA LUMPUR: Malaysia expects growth in the export of electrical & electronics (E&E) products to almost halve this year to between 4% and 5%, compared with the 8.1% achieved in 2014, said Minister of International Trade and Industry Datuk Seri Mustapa Mohamed.

"We expect moderation this year, due to the global economic climate," he told reporters after chairing a dialogue session with the E&E industry associations yesterday.

He said the E&E sector has contributed approximately 33.4% of total exports last year, making it a key sector to the country's economic growth, particularly in trade and exports.

"Last year's total exports for E&E products was RM256.14 billion, an increase of 8.1% from RM236.98 billion in 2013," he added.

Moving forward, Mustapa said the government will establish a strategic council for the E&E sector, that functions as a platform for its members to propose strategic and action plans for the sector.

"The strategic council will also enable members to identify the gaps in the E&E

ecosystem and establish sub-working groups to address specific needs for the industry to move forward in the next five years," he said, adding that strategic council members will include both government and private sectors.

Meanwhile, Mustapa said the issues raised during the dialogue session were issues across the board, such as incentives, foreign workers, licensing, skills and talent development and energy and water related issues.

"Miti will work with counterparts from other ministries and agencies to address the issues raised," he added.

The dialogue session was attended by seven E&E industry associations, including Malaysia Cable Manufacturers Association, Japanese Chamber of Trade and Industry, Malaysia American Electronics Industry, Electrical and Electronics Association of Malaysia and Malaysian Integrated Chip Designer Association.

Representatives from the government included the **Ministry of Science, Technology and Innovation**, Ministry of Home Affairs, Ministry of Human Resources, Ministry of Energy, Green Technology and Water, and Ministry of Natural Resources.

**KERATAN AKHBAR TEMPATAN
SINAR HARIAN (KAMPUS) : MUKA SURAT 7
TARIKH: 25 MAC 2015 (RABU)**

Pemacu teknologi satelit negara



Berpejabat di bangunan tersergam indah di kawasan perkampungan Sungai Lang, Kuala Langat, Selangor, beliau kelihatan tenang menjalankan tugas. Namun di lubuk hati dan mindanya berputar ligat melangkah ke angkasa lepas dalam memandu kemajuan negara dalam bidang teknologi satelit. Personaliti *Kampus Legend* yang dimaksudkan ini ialah Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara (Angkasa), Dr Noordin Ahmad, 53.

Berpengalaman dalam bidang Sistem Penentuan Lokasi Sejagat (GNSS), Sistem Maklumat Geografi (GIS), Pemetaan dan Remote Sensing selama 26 tahun, beliau pernah terlibat dalam lebih 70 projek terutama agensi kerajaan. Ini termasuk untuk Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Pengairan dan Saliran, Kumpulan Industri Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi, Jabatan Ukur dan Pemetaan (Jupem), Agensi Remote Sensing Malaysia, Jabatan Kerja Raya, Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara, Jabatan Perikanan, Plus Berhad dan Petronas Gas Bhd.

Ilmu kepakaran dan khidmat Dr Noordin turut disumbangkan di peringkat global. Beliau pernah menjalankan perundingan di Sudan, Indonesia dan Timur Tengah serta mewakili negara dalam jawatankuasa teknikal antarabangsa sejak 2010 seperti Jawatankuasa Antarabangsa GNSS, Pasukan Projek Pengurusan Bencana Sentinel Asia, Jawatankuasa Eksekutif Forum Agensi Satelit Asia Pasifik dan Jawatankuasa Aplikasi Satelit UNESCAP.

"Di sebalik pencapaian



DR. NOORDIN

tersebut, saya bukanlah orang yang selesa dengan kehidupan ideal. Saya berhati-hati dalam melangkah dari satu peringkat ke satu peringkat. Pasti ada cabaran di hampir setiap peringkat kerjaya.

"Tetapi dengan hati yang tekad, saya percaya ALLAH akan membuka pintu penyelesaian. Dalam erti kata lain, mengamalkan konsep tawakal yang betul adalah kunci kepada kejayaan manusia," ujar pensusar adjung Sistem Maklumat Geografi di Universiti Putra Malaysia ini.

YAKIN REZEKI ALLAH

Dr Noordin berkata, menerajui sektor angkasa yang masih baru di negara ini memerlukan kreativiti dan komitmen yang tinggi serta kaedah yang inovatif untuk membawa rakyat menyokong usaha kerajaan untuk terlibat dalam sektor ini.

Tugas saya bukan sahaja menguruskan dan mentadbir Angkasa, malah berkongsi ilmu dan pengalamannya dengan kakitangan, serta membentuk budaya kerja yang positif, saling membantu, menghormati dan memahami amanah kerja masing-masing.

"Kakitangan adalah nadi kepada pergerakan Angkasa dalam mencapai visi dan misinya. Hubungan akrab dan terbuka diperlukan. Pada masa sama, pendekatan kepada masyarakat tertumpu terhadap kefahaman mengenai skop dan kepentingan bidang angkasa bagi menangkis persepsi negatif mengenai penglibatan negara dalam sektor tersebut," ujar pasangan kepada Juneta Mohd Noh.

Mengimbas latar belakang diri, anak kelahiran Kuala Ketil, Kedah ini membesar di kampung. Anak sulung daripada enam adik beradik suka mengikut ayahnya yang bekerja sebagai pengawas hutan.

"Masa itu saya hairan bagaimana ayah tahu selok belok hutan. Dari situ, timbul minat saya mengenai geografi dan pemetaan. Disebabkan ayah kerap bertukar tempat kerja, saya menghadiri empat sekolah rendah.

"Di SM Sains Kedah (kini SM Sains Sultan Mohamad Jiwa), saya aktif dalam sukan hoki dan pasukan kami pernah menjadi johan negeri. Sebelum mendapat keputusan SPM, saya ditawarkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk menyambung pengajian peringkat Ijazah di Melbourne, Australia, selama lima

Dr Noordin gigih memperkasakan Angkasa demi kemajuan negara



Keluarga menjadi inspirasi kejayaan Dr Noordin.

tahun. Selepas mengikuti peperiksaan HSC di sana, saya berjaya masuk ke universiti terbaik di Australia, University of Melbourne.

"Masa itu, di kelas hanya lima penuntut luar negara termasuk saya. Saya menjadi pelajar terbaik tiga teratas sewaktu graduasi. Pengalaman di negara orang, kita kena pandai hidup berdikari dan pandai bergaul dengan masyarakat.

"Di sana, saya rapat dengan penuntut senior dalam bidang perubatan. Ini menjadikan saya bersemangat belajar, ikut cara mereka," ujarnya yang aktif dalam persatuan Islam dan persatuan pelajar Malaysia di Australia.

PEKA TANGGUNGJAWAB

Bapa kepada enam anak ini berkata, sekembali ke tanah air dan mendaftar diri di JPA, beliau diberitahu mengenai tahun kemuraman ekonomi. Baginya, di sinilah pentingnya keajalan pemikiran dan kekentalan jiwa untuk mengharung cabaran hidup. Beliau yakin rezeki ALLAH ada di mana-mana, tetapi perlu dicari.

"Belum sempat mendaftar untuk ambil lesen lori, saya dimaklumkan ada kekosongan jawatan pensusar dalam bidang Geomatik di Universiti Teknologi Mara (UiTM). Lalu saya terus naik bas ke Shah Alam dan diambil mengajar keesokan harinya. Itulah rezeki ALLAH," katanya.

Slepas sembilan bulan di UiTM, Dr Noordin menerima tawaran biasiswa Skim Tenaga Pensusar Muda untuk peringkat sarjana bidang Penentuan Lokasi dan Navigasi Satelit di United Kingdom.

Katanya, untuk menjadi orang cemerlang perlu pandai menguruskan masa dan berdisiplin tinggi terutama

dalam meletakkan keutamaan dalam tugasan harian. Jadual Noordin dipenuhi dengan aktiviti di dalam dan luar negara. Beliau turut mengajar pasca siswazah dan mengendalikan mahasiswa peringkat sarjana dan kedoktoran bidang berkaitan.

"Nasihat saya agar generasi muda sentiasa peka akan tanggungjawab mereka terhadap agama, nusa dan negara. Kefahaman dan kesedaran ini menjadikan mereka mempunyai jati diri demi membangunkan watan dan masyarakat hebat yang disegani dunia.

"Untuk Malaysia menjadi sebuah negara maju menjelang 2020, kita tidak boleh lepas dari membangunkan kepakaran dalam teknologi satelit. Penglibatan mahasiswa dalam bidang angkasa sebenarnya menjurus generasi muda kepada Sains dan Teknologi.

"Impian besar perlu ada dalam minda mahasiswa untuk membawa Malaysia ke tahap yang lebih tinggi melalui Sains dan Teknologi," katanya penuh bersemangat.

INFO

• Pencapaian Dr Noordin Ahmad

- Anugerah Perkhidmatan Cemerlang UiTM, 1991, 1994
- Anugerah Pesuruhjaya Tinggi British, 1993
- Anugerah Penyelidik Contoh UiTM, 1995
- Ahli Mangku Negara (AMN) 2004
- Anugerah Emas di Pameran Antarabangsa Rekapipta, Teknik Baru dan Produk di Geneva, 2005
- Anugerah Emas Pameran IPTA Reka Cipta dan Inovasi 2006, Kuala Lumpur
- Pingat Emas Pameran Pencipta Antarabangsa IENA "Idea-Ciptaan-Inovasi" Nuremberg, Jerman 2009
- Anugerah Cemerlang Geospasial Asia 2014, Jakarta, Indonesia



ProEight Ceburi Pengeluaran Komponen Aplikasi Pam

Oleh Wan Nor Azura Mior Abd Aziz

SHAH ALAM, 24 Mac (Bernama) -- Pengeluar meterai mekanikal tempatan, ProEight Sdn Bhd, kini meneroka pengeluaran komponen aplikasi pam inovatif bagi industri minyak dan gas untuk pasaran tempatan dan global.

Pengarah Urusannya Azhar Zainal Abidin berkata inovasi itu, jika dilakukan dalam negara, berupaya menjana pendapatan eksport.

Katanya perniagaan pam merupakan satu industri yang besar untuk diteroka dan pada masa ini nilai import produk pam adalah RM500 juta hingga RM1 bilion setahun.

"Kami jangka menjelang hujung tahun ini atau setengah suku pertama tahun depan, kami dapat menggantikan sebahagian besar import itu dengan komponen keluaran tempatan, sekali gus memanfaatkan negara dan syarikat lain.

"Saya jangka kami dapat mengeluarkan kira-kira 10 peratus daripada jumlah itu menjelang hujung tahun atau tahun depan," katanya kepada Bernama selepas majlis menandatangani kerjasama dengan [SIRIM Bhd](#) untuk pembangunan dan penyelidikan dalam pengeluaran pam keluaran Malaysia bagi aplikasi minyak dan gas.

ProEight menceburi sektor pam pada 2014 selepas yakin ia masa yang tepat untuk mengembangkan perniagaan dan meneroka pengeluaran produk berbeza.

Katanya seperti sektor meterai mekanikal, sektor pam juga meliputi reka bentuk, pengeluaran, baik pulih dan ujian serta kerja mengubah pulih yang dilakukan di bawah satu bumbung.

"Dengan pengalaman dalam sektor meterai mekanikal, pendekatan serupa boleh diguna untuk menyelesaikan isu sedia ada dalam sektor pam," kata Azhar.

ProEight yang mencatat kejayaan dalam mengeluarkan meterai mekanikal untuk eksport juga berhasrat menjadi antara pengeluar pam minyak dan gas utama dunia.

Katanya syarikat Malaysia perlu mengubah cara melakukan perniagaan dan cuba membangunkan keupayaan tempatan.

"Industri pam satu perniagaan yang bagus untuk diceburi, (dan) yang bagusnyalah kami kuasai meterai mekanikal, justeru kami kuasai pam menerusi meterai mekanikal.

"Tidak ramai pengeluar meterai mekanikal tetapi pengeluar pam banyak," katanya.

Mengenai permintaan terhadap pam, beliau berkata selain tempatan, permintaan juga datang dari negara seperti Sudan, Arab Saudi dan Oman.

-- BERNAMA